



**Majlis Peguam
Bar Council Malaysia**

Rujukan kami: BC/PA/L3/2017

YB Datuk Seri Azalina bt Othman Said
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Tingkat 15
Bangunan Parlimen
50680 Kuala Lumpur

www.malaysianbar.org.my

Saya/Kami mengakui penerimaan dokumen ini:

Nama: *Radyah* 7/3/17

Jawatan:

Tandatangan: *[Signature]*

Tarikh:

Waktu Penerimaan:

Cop:

15, Leboh Pasar Besar
50050 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel : +603-2050 2050
Fax : +603-2026 1313, 2034 2825, 2072 5818
Email : council@malaysianbar.org.my

7 Mac 2017

Serahan Tangan

YB Datuk Seri Azalina bt Othman Said,

Per: Notis Makluman melesenkan premis yang digunakan untuk aktiviti komersial di bawah Undang-Undang Kecil (UUK) Perlesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2016

Dengan segala hormatnya, kami ingin memaklumkan bahawa pihak Majlis Peguam telah menghantar banyak surat peringatan kepada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berkenaan dengan perkara di atas di mana kami menyatakan hasrat kami untuk mengadakan perbincangan dan memohon supaya satu mesyuarat dapat ditetapkan. Namun, kami tidak menerima maklumbalas berkenaan dengan penetapan mesyuarat tersebut.

2. Kami ingin memaklumkan bahawa Ahli-Ahli Bar Malaysia sering menghadapi isu tentang perlesenan premis dan perlesenan papan tanda sejak dari tahun 1980-an, di mana kerajaan tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) dan sebagainya, sering mengunjungi firma-firma guaman dan menghendaki firma-firma tersebut mendapatkan lesen premis dan lesen papan tanda.
3. Selama ini, pihak Majlis Peguam telahpun dapat menyelaraskan dengan kebanyakan kerajaan tempatan di negeri-negeri lain berdasarkan Seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 berbanding dengan enakmen undang-undang kecil tempatan masing-masing.
4. Baru-baru ini, DBKL telah memberi representasi bahawa lesen premis perniagaan dan yuran berkaitan adalah perlu di bawah Undang-Undang Kecil Di Bawah Tred, Perniagaan dan Perindustrian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2016 ("Undang-Undang Kecil 2016") yang telah diwartakan sebagai P.U.(A)230/2016 pada 1 September 2016. Justeru itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ("DBKL") telah

...2/-

mengeluarkan satu “Notis Makluman” kepada firma-firma guaman di daerah Kuala Lumpur, mengarah dan meminta firma-firma tersebut melesenkan premis mereka dan mengenakan fi untuk lesen tersebut. Kami difahamkan bahawa firma-firma guaman telah atau akan dikenakan kompaun kerana tidak memohon lesen premis dan lesen papan tanda premis daripada DBKL.

5. Majlis Peguam telah selama ini menyatakan bahawa firma guaman adalah satu **profesion** dan **bukannya satu tred, perniagaan atau industri** dan amalan firma guaman dikawal selia oleh Akta Profesion Undang-Undang 1976 dan segala sijil dan kriteria yang perlu dipenuhi oleh firma guaman jatuh di bawah Akta ini sahaja.
6. Manakala, Undang-Undang Kecil 2016, menyatakan dalam mukadimahnyanya bahawa ia digubal menurut subsekyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan 1976 (“Akta”) yang memperuntukan bahawa

“Subsekyen 102(s) tersebut hanya membenarkan undang-undang kecil digubal untuk “mengawal dan menyelia, dengan pendaftaran, perlesenan atau selainnya, termasuk dalam keadaan wajar dengan melarang sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian dari jenis yang memudaratkan atau yang boleh menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau sesuatu kelas orang awam”.

7. Perenggan 3 Undang-Undang Kecil 2016, yang menghendaki semua perniagaan mendapatkan “lesen” premis perniagaan jelas adalah ultra vires seksyen 102(s) Akta Kerajaan Tempatan yang menghadkan dan hanya membenarkan pengawalan sesuatu tred, perniagaan atau perindustrian yang memudaratkan atau menjadi punca kacau ganggu kepada orang awam atau suatu golongan orang awam.
8. Pihak Majlis Peguam telah memaklumkan DBKL tentang pendiriannya mengenai isu tersebut serta meminta supaya satu mesyuarat diadakan dengan pihak DBKL bagi mencari menyelesaikan isu ini. Dengan dukacitanya, kami mendapati bahawa pihak DBKL tidak berhasrat untuk bermesyuarat dengan Majlis Peguam malahan telah memberi maklumbalasnya yang menyatakan bahawa tujuan undang-undang kecil adalah untuk melesenkan aktiviti baru berdasarkan justifikasi seperti berikut :-

- i. *Memperluaskan pemberian lessen supaya ianya tidak hanya kepada jenis tred, perniagaan dan perindustrian yang berisiko tinggi (obnoxious atau nuisance) sahaja;*
- ii. *Memudahkan kawal selia oleh DBKL ke atas jenis-jenis perniagaan tersebut;*
- iii. *Data collection bagi tujuan perancangan pembangunan akan datang di kawasan aktiviti perniagaan tersebut;*
- iv. *Bagi mengenal pasti kemudahan infrastruktur yang diperlukan di kawasan aktiviti perniagaan seperti tempat letak kereta, pusat penjaja dan jajaran siar kaki;*
- v. *Memudahkan proses kelulusan ubahsuaian bangunan premis yang hendak dilaksanakan oleh pemegang lesen;*
- vi. *Bagi memastikan sesuatu premis adalah sesuai untuk dijalankan aktiviti tersebut;*
- vii. *Membantu agensi berkaitan yang mengawal standard atau etika perkhidmatan*

- perniagaan tersebut dengan membekalkan data atau maklumat premis perniagaan; dan*
- viii. *Mengenal pasti impak daripada aktiviti perniagaan kepada persekitaran dari segi kesesuaian dan keperluan.*

Sesalanan surat-surat kami bertarikh 16 Februari 2017, 4 Januari 2017, 8 Disember 2016, 17 dan 8 November 2016, 14 Oktober 2016 (emel), 17 Ogos 2016, 14 Julai 2016 serta surat DBKL bertarikh 5 Disember 2016 adalah dilampirkan di sini untuk rujukan mudah YB Dato' Seri.

9. Selain daripada firma-firma guaman, DBKL juga telah mengeluarkan Notis yang sama kepada klinik-klinik di Kuala Lumpur. Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengeluarkan satu surat kepada Datuk Bandar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menyampaikan pendiriannya tentang pengenaan fi untuk lesen premis. Sesalanan surat tersebut dilampirkan di sini untuk rujukan YB Dato' Seri.
10. Buat sementara waktu ini, hak dan kepentingan firma guaman terjejas amat sekali dengan aplikasi undang-undang yang tidak wajar dan telah pun menasihati ahli-ahli Bar berkenaan dengan pendirian kami.


Sesalanan surat pekeliling bertarikh 3 Januari 2017 dilampirkan bersama untuk rujukan mudah YB Dato' Seri.

11. Pihak Majlis Peguam amat berbesar hati sekiranya YB Dato' Seri dapat meneliti serta membantu dalam penyelesaian damai perkara ini supaya isu perlesenan premis dan papantanda firma-firma guaman dapat diselesaikan pada kadar segera.

Perhatian awal dan kerjasama YB Dato' Seri dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar



Steven Thiru
Presiden
Bar Malaysia

Lamp.